

# Skim Lencana Pengakap Kelana

Skim ini mengandungi:

## 1.0 **LENCANA KEBOLEHAN**

- 1.1 Lencana Pengembaraan
- 1.2 Lencana Projek

## 2.0 **LENCANA KEPANDAIAN**

- 2.1 Lencana Perkhidmatan Awam
- 2.2 Lencana Kemahiran Berpengakap
- 2.3 Lencana Hal Ehwal Kebangsaan
- 2.4 Lencana Hal Ehwal Dunia
- 2.5 Lencana Aktiviti Kebudayaan

## 3.0 **RAMBU PENGAKAP KELANA**

Jenis Lencana Kepandaian	Bahagian Wajib	Pilih Satu
Perkhidmatan Awam	<ul style="list-style-type: none"><li>1. Rawatan Kecemasan</li><li>2. Pemeliharaan Alam Sekitar</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>1. Pemadam Api</li><li>2. Penterjemah</li><li>3. Penyelamat</li><li>4. Ikhtiar Hidup</li></ul>
Kemahiran Berpengakap	<ul style="list-style-type: none"><li>1. Berkhemah</li><li>2. Mengembara atau Aktiviti Air</li><li>3. Agama</li><li>4. Kawad</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>1. Ilmu Perintis</li><li>2. Ekspedisi</li><li>3. Komunikasi</li></ul>
Hal Ehwal Kebangsaan	<ul style="list-style-type: none"><li>1. Perlembagaan Malaysia</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>1. Agensi Kerajaan</li><li>2. Kerajaan Tempatan</li><li>3. Perusahaan &amp; Perdagangan</li><li>4. Undang-undang</li><li>5. Politik &amp; Dakyah</li></ul>
Hal Ehwal Dunia	<ul style="list-style-type: none"><li>1. Persahabatan Pengakap Sedunia</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>1. Ehwal Dunia</li><li>2. Kesusasteraan</li><li>3. Teater</li><li>4. Senibina (Arkitek)</li><li>5. Kebudayaan Asli</li><li>6. Muzik</li></ul>

## **1.0 LENCANA PENGEMBARAAN**

1.1 Lencana Pengembalaan akan diberi kepada Pengakap Kelana yang telah menyempurnakan pengembaraannya dan menyediakan laporan yang lengkap seperti yang dikehendaki.



1.2 Syarat dan peraturan adalah seperti berikut:

- 1.3 i. BERJALAN KAKI sejauh 150 kilometer dan PERJALANAN DI AIR selama tidak kurang daripada empat (4) jam (di air) dengan menggunakan sampan, rakit atau kenderaan air bermotor.
- ii. Perjalanan bahagian berjalan kaki hendaklah melalui tempat yang berbeza keadaannya seperti bukit, belukar, jalan denai, padang dan sebagainya.
- iii. Perjalanan ini hendaklah merangkumi tidak kurang daripada 5 perjalanan kecil yang berasingan, dengan jumlah berhemah dalam perjalanan sebanyak 8 malam.

ATAU

- 1.4 i. BERDAYUNG sampan atau kayak sejauh 150 kilometer pergi balik. Perjalanan itu hendaklah tidak kurang daripada 5 perjalanan kecil yang berasingan, dengan jumlah berhemah dalam perjalanan sebanyak 8 malam.
- ii. BERJALAN KAKI sejauh 50 kilometer dan berhemah satu (1) malam dalam perjalanan.

ATAU

- 1.5 i. BERBASIKAL sejauh 350 kilometer melalui pelbagai jenis jalan. Perjalanan itu hendaklah tidak kurang daripada 5 perjalanan kecil yang berasingan, dengan jumlah berhemah dalam perjalanan sebanyak 8 malam.
- ii. Membuat PERJALANAN DI AIR selama tidak kurang daripada empat (4) jam dengan menggunakan sampan, rakit atau kenderaan air bermotor.
- iii. BERJALAN KAKI sejauh 50 kilometer dan berhemah satu (1) malam dalam perjalanan.

ATAU

- 1.6 i. BERMOTOSIKAL sejauh 700 kilometer atau BERMOTOKAR sejauh 1,100 kilometer pergi balik melalui pelbagai jenis jalan dan destinasi ke kawasan luar bandar. Perjalanan itu hendaklah merangkumi sekurang-kurangnya 5 perjalanan kecil yang berasingan, dengan jumlah berhemah dalam perjalanan sebanyak 8 malam.
- ii. BERJALAN KAKI sejauh 50 kilometer dan berhemah satu (1) malam dalam perjalanan.
- iii. Membuat PERJALANAN DI AIR selama tidak kurang daripada empat (4) jam dengan

menggunakan sampan, rakit, kayak atau kenderaan air bermotor.

#### 1.7 LAPORAN PERJALANAN

- a. Dengan menyediakan Buku Log, calon hendaklah menyediakan satu laporan perjalanan yang lengkap dan kemaskini dalam Buku Log Asal yang diserahkan kepada Penilai dalam tempoh 15 hari selepas tamatnya pengembaraan.
- b. Bahan sokongan seperti gambar rajah, peta, gambar foto, rakaman video, kaset radio dan seumpamanya hendaklah diserahkan kepada Penilai bersama laporan berkenaan.

#### 1.8 PERSEDIAAN PERJALANAN

- a. Setiap persediaan perjalanan, perlakuan dan destinasi hendaklah dirancang terlebih dahulu.
- b. Tempat-tempat bersejarah dan rekreasi, perusahaan kampung, penghidupan kelompok masyarakat kecil, penempatan orang asli dan tempat yang boleh memberikan pengalaman dan rasa ketenangan serta boleh memberikan cabaran eloklah dimasukkan ke dalam rancangan.
- c. Rancangan perjalanan itu hendaklah dipersetujui oleh Ketua Kelana. Ketua Kelana hendaklah memberikan nasihat, panduan serta peraturan bagi pengurusan sesuatu perjalanan mengikut cara Berpengakap.
- d. Mengetahui cara menyediakan Buku Log Pengembaraan yang di antara lain mengandungi:
  - Tarikh, masa, tempat, waktu tiba dan waktu berlepas;
  - Peta perjalanan, gambaran keadaan alam semula jadi;
  - Rekod temu ramah, kajian, pendapat;
  - Projek (jika dikehendaki melakukan projek): lokasi, penyertaan masyarakat, masalah, pencapaian dan seumpamanya;
  - Cetusan rasa digambarkan melalui lukisan, foto, rakaman video, puisi dan sebagainya.
- e. Langkah keselamatan hendaklah diutamakan.

#### 1.9 PERINGATAN

- a. Satu perjalanan terus-menerus yang memakan masa atau jauhnya lebih daripada yang disyaratkan akan dikira satu perjalanan kecil.
- b. Calon dibolehkan bersekawan di antara 2 hingga 4 orang sahaja sebagai kumpulan kecil.
- c. Jika perjalanan itu berkehendakkan penyertaan yang lebih ramai daripada 4 orang atas sebab yang tidak dapat dielakkan langsung, persetujuan Pesuruhjaya Daerah hendaklah diperolehi sebelum perjalanan dimulakan.
- d. Calon hendaklah sentiasa menjaga maruah dan imej Pengakap dan dapat pula menunjukkan contoh teladan yang baik kepada masyarakat setempat.

## **2.0 LENCANA PROJEK**

- 2.1 Memberikan peluang kepada Pengakap Kelana secara perseorangan atau berkumpulan berusaha sendiri untuk penghidupannya.
- 2.2 Merebut peluang dari Projek Kerajaan melalui Projek Beli Niaga, Pertanian dan pelbagai perusahaan kecil.



### **2.3 i. PERTANIAN**

Berternak atau berkebun secara individu atau berkumpulan sehingga dapat mengeluarkan hasil sama ada untuk kegunaan sendiri atau untuk dipasarkan.

### **ii. PERNIAGAAN**

Menjalakan aktiviti seperti membuka kedai runcit, kedai kopi, warung makanan, gerai buah-buahan, menjaja atau bermiaga di pasar malam (pakaian, makanan dan sebagainya), kedai buku, kedai gunting, kedai jahit atau menjadi agen pelancongan dan lain-lain seumpamanya.

### **iii. KRAFTANGAN**

Menganyam dari berbagai-bagai bahan, mengusahakan seramik, lukisan, mengadakan pameran seni dan kraf sendiri, membuat wau dan sebagainya.


### **2.4 KEBAJIKAN AM**

- a. Menganjurkan satu projek Perkhidmatan Masyarakat yang melibatkan masyarakat setempat;
- b. Mengadakan satu Projek Bantuan yang boleh disampaikan kepada mangsa bencana alam;
- c. Mengadakan Projek Anak Angkat Pasukan di tempat kemudahan awam seperti Pusat Rekreasi, taman kanak-kanak, kampung atau seumpamanya.

### **3.0 LENCANA PERKHIDMATAN AWAM**

3.1 Lencana ini meliputi enam (6) bidang yang terbahagi kepada dua (2) bahagian iaitu bahagian wajib dan bahagian pilihan seperti berikut:

- a. **WAJIB:** Perawat Kecemasan  
Pemelihara Alam Sekitar
- b. **PILIHAN:** Pemadam Api  
(Pilih satu) Penyelamat Jiwa  
Penterjemah  
Pengikhtiar Hidup



#### **3.2 PERAWAT KECEMASAN**

3.2.1. Calon dikehendaki mengikut latihan untuk kursus yang diakui oleh pihak Persatuan St. John's Ambulance Malaysia, Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia atau mana-mana persatuan yang mengendalikan latihan rawatan kecemasan dan Pertolongan Cemas dalam jangka masa yang tertentu. Calon hendaklah mempunyai pengetahuan berkenaan seperti butir-butir di bawah dan juga kemahiran bertindak memberi rawatan kecemasan.

3.2.2. Tujuan dan peraturan rawatan kecemasan dan keadaan yang memerlukannya.

3.2.3. Struktur tubuh badan dan peranannya.

3.2.4. Peredaran darah serta pembuluhannya.

3.2.5. Jenis luka serta jenis pembalutan.

3.2.6. Pendarahan melalui mulut, hidung dan telinga.

3.2.7. Gigitan serangga dan binatang kecil.

3.2.8. Keracunan kimia, bahan kimia dan lain-lain.

3.2.9. Pernafasan

Pemeliharaan pernafasan disebabkan:

- i. Sesuatu benda lekat di mulut
- ii. Lendir tebal di kerongkong
- iii. Lemas air, lemas gas/asap
- iv. Pukulan kuat pada dada dan kepala
- v. Serangan sakit jantung

3.2.10. (a) Teknik pemulihan pernafasan, cara mulut ke mulut

- (b) Cara *Holger Nielson*
- (c) Cara urutan kardiak

3.2.11. Jenis patah tulang dan anduhan

3.2.12. Cara memindahkan orang cedera

3.2.13. Peralatan Peti Pertolongan Cemas serta Alatan Pertolongan Cemas

### 3.3 PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR

#### 3.4 PENGIKHTIAR HIDUP

Calon dikehendaki mempunyai pengalaman dan kemahiran yang boleh memberikan pertolongan dirinya sendiri dan orang lain dalam menghadapi situasi yang cemas dan mencabar.

Senarai di bawah adalah menjadi asas pengetahuan dan kemahiran bagi ikhtiar menghadapi ke arah hidup dan mengatasi keadaan tersebut:

- (a) Cekikan dan muntah-muntah
- (b) Masalah mata
- (c) Kehilangan pandangan - kehilangan cermin mata
- (d) Kecederaan pada kepala
- (e) Serangan sakit jantung - denyutan jantung terhenti
- (f) Pernafasan terhenti
- (g) Keletihan, kesejukan dan kelaparan
- (h) Sesat di dalam hutan rimba
- (i) Sengatan serangga dan patukan ular dan lain-lain sengatan binatang seperti lipan, kala jengking dan sebagainya
- (j) Terkandas kenderaan dalam perjalanan darat
- (k) Terkandas kenderaan dalam perjalanan sungai dan laut
- (l) Terkandas kenderaan dalam penerbangan

### **3.5 PEMADAM API**

- 3.5.1. Menunjukkan 3 cara memberi bantuan kecemasan dalam menghadapi kebakaran.
- 3.5.2. Menunjukkan kebolehan dan kecekapan:
  - (a) Menyambung bekalan air, memberi bantuan air sambil berlari membawa pam air sejauh yang terdaya dengan secepat dan sepantas yang boleh.
  - (b) Menguasai semburan atau pancutan air dengan menghalakan semburan air itu ke matlamat yang dikehendaki dengan seberapa cepat dan pantas yang boleh.
  - (c) Membaiki pam air dengan rangkaian baldi.
- 3.5.3. Memberi penerangan akan perihal, berwaspada dalam sebarang keadaan dan beringat di atas sebarang keselamatan atau akibat yang mungkin berlaku.
- 3.5.4. Menguruskan pembinaan Rangkaian Baldi Kecemasan yang berisi air atau pasir dan mengadakan demonstrasi kegunaannya.
- 3.5.5. Mengetahui langkah dan tindakan yang perlu diambil jika berlaku kebakaran di rumah bagi menyelamatkan diri sendiri atau mangsa yang terperangkap di dalamnya.
- 3.5.6. Tahu menyelamatkan diri jika kereta terbakar, cara memberi bantuan kepada mangsa dalam kejadian tersebut dan cara menyelamatkan mangsa yang pakaian di badannya terbakar.
- 3.5.7. Memberi penerangan akan perihal, berwaspada dalam sebarang keadaan dan beringat dalam keselamatan atau akibat yang mungkin berlaku.

### **3.6 PENTERJEMAH**

- 3.6.1. Menterjemahkan dengan mutu terjemahan yang baik pertuturan 2 orang yang tidak memahami bahasa di antara satu sama lain.
- 3.6.2. Mempunyai pengetahuan tatabahasa yang bermutu tinggi dan boleh bertutur dengan baik bahasa keduanya.
- 3.6.3. Membincangkan bahasa isi kandungan sebuah petikan yang diambil daripada media cetak yang ditulis dalam bahasa keduanya.
- 3.6.4. Menuliskan semula dalam bahasa keduanya satu petikan yang ditulis dalam bahasa ibundanya; dan juga sebaliknya menulis semula satu petikan lain yang ditulis dalam bahasa keduanya ke dalam bahasa ibundanya.

### **3.7 PENYELAMAT JIWA**

Perhatian: Pemegang Sijil Palang Gangsa dari Royal Life Saving Society dikecualikan daripada mengambil ujian ini.

- 3.7.1. Mempunyai ketangkasan berenang sejauh 400 meter dengan berpakaian lengkap biasa ATAU pakaian seragam pengakap dengan termasuk dua gaya renang:
- Berenang 100 meter menyelinap secara terlungkup
  - Berenang 100 meter menyelinap ke belakang dengan gaya kupu-kupu menyelinap terlentang

INGATAN: Peserta boleh menukar gaya renangnya pada bila-bila masa yang dikehendakinya tetapi tidak dibenarkan berhenti dalam masa dia menghabiskan jarak keseluruhan renangnya itu.

- 3.7.2. “Menyelamatkan” seorang “mangsa” yang tenggelam dan badannya lebih kurang sama besarnya dengan si penyelamat. “Mangsa” tersebut hendaklah ditarik dari air ke daratan sejauh 100 meter.
- 3.7.3. Selain daripada itu, peserta juga dikehendaki:
- Terjun ke dasar kolam atau kolam renang sedalam 2.5 meter untuk mengambil satu barang yang beratnya tidak lebih daripada 20 pound; ATAU memungut semula pakaian yang ditanggalkan dalam kolam. Dua percubaan sahaja dibenarkan.
  - Dengan hanya berseluas mandi atau baju mandi berenang di atas permukaan air dalam datu lingkungan yang berukuran garis pusat tidak lebih daripada 4 meter.
  - Tunjukkan cara yang betul untuk memberikan pertolongan rawatan kecemasan berikut:
    - Pemulihan pernafasan
    - Rawatan kejutan (*shock*)
    - Rawatan luka


INGATAN: Semua kerja di atas hendaklah dilakukan terus-menerus dalam satu bidang masa. Masa rehat diberikan 2 kali iaitu 3 minit tiap-tiap kali antara bahagian (a) dengan (b) dan (b) dengan (c).

## **4.0 LENCANA ILMU KEMAHIRAN BERPENGAKAP**



4.1 Lencana ini dibahagikan kepada 7 bidang dalam dua bahagian:

- |           |   |             |  |
|-----------|---|-------------|--|
| a. WAJIB: | Agama<br>Berkhemah<br>Kawad<br>Mengembara<br>Kepimpinan | b. PILIHAN: | Ilmu Perintis<br>(Pilih satu)<br>Ekspedisi<br>Komunikasi |
|-----------|---|-------------|--|



### **4.2 AGAMA**

#### **4.2.1. SEMBAHYANG**

- (a) Mengetahui dengan jelasnya Hikmah Sembahyang.
- (b) Mengetahui cara serta boleh membaca dengan baik bacaan dalam sembahyang harian, mingguan atau sembahyang khas.
- (c) Mengetuaui kumpulan Pengakap Kelananya bersembahyang.

#### **4.2.2. PERATURAN NIKAH KAHWIN**

- (a) Menjelaskan tentang persediaan diri sebagai suami/isteri.
- (b) Menyedari akan tanggungjawab terhadap suami/isteri.
- (c) Mengetahui tentang tatacara perkahwinan.
- (d) Mengetahui adat resam perkahwinan mengikut budaya dan kehendak agama berkenaan.

#### 4.2.3. KEMATIAN

Mempunyai pengetahuan menguruskan jenazah mengikut kehendak agama atau adat resam:

- (a) Upacara pengebumian
- (b) Sembahyang jenazah

### 4.3 KAWAD

- 4.3.1. Mengetahui perintah kawad - teori dan amali.
- 4.3.2. Mempunyai kemahiran berkawad dan mengajar kawad kepada Pasukannya atau Pasukan Pengakap (taraf Lencana Jaya Pengakap Muda).
- 4.3.3. Mengetahui cara kawad isyarat Pasukan Pengakap dan dapat membuat satu tunjukcara dengan baik.
- 4.3.4. Mengetahui syarat untuk menjadi seorang ketua kawad yang baik.

### 4.4 PERKHEMAHAN (UNIT/PATROL)

#### BERPENGETAHUAN DAN KEBOLEHAN BERKHEMAH

PENGETAHUAN (Teori)	KEBOLEHAN (Amali)
1. Tujuan berkhemah	Berbincang
2. Persiapan awal	Surat-menyurat dan mengumpul data
3. Pemilihan tempat & tapak	Memilih tempat & tapak
4. Peralatan	Menyediakan alatan
5. Jenis khemah dan cara mendirikannya	Mendirikan khemah
6. Peraturan perkhemahan	Berbincang dan mematuhiinya
7. Makanan dan Minuman (a) Menu (b) Simpanan	(a) Menyediakan sekadarnya (b) Mencatukan
8. Dapur dan alatan	Mengawasi kebersihan
9. Gejet dan kegunaan	Membuat dan memakainya
10. Kesihatan	Mengawasi sepanjang masa
11. Penutupan: (a) Peraturan kerja mengemas.	(a) Mengemaskan sewajarnya

(b) Pembersihan tapak perkhemahan.	(b) Memastikan keadaan tempat dan tapak perkhemahan seperti sediakala
12. Ikutan Penutupan (di Markas)	Menyimpan alatan, surat-menyerat, terutama sekali menutup kira-kira

#### PERHATIAN:

Lain-lain perkara yang perlu dibuat oleh setiap peserta di dalam perkhemahan:

- (a) Bertugas sebagai Kuartermaster/Penolong Kuartermaster.
- (b) Mengkritik keadaan perkhemahan patrol sendiri (khemah, dapur, sekitar) dari segi keselesaan, kekemasan dan kebersihan dengan berdasarkan peraturan perkhemahan.
- (c) Mendirikan khemah kecil/pondok untuk perlindungan dengan mengambil kira kemungkinan menghadapi cuaca buruk (hujan lebat dan ribut sederhana).

#### 4.5 MENGEMBARA

- 4.5.1. Mengembara selama lima hari mengikut arahan yang diberi dan berjaya mencapai matlamat seperti yang telah dirancangkan. Pengembaraan itu mesti menempuh beberapa halangan yang ditentukan oleh pemeriksa. Pengembaraan ini hendaklah dimulakan dari kawasan rumah Kelana menuju ke destinasi yang ditetapkan sejauh tidak kurang dari 80 kilometer dengan menempuh beberapa “halangan” yang ditentukan oleh pemeriksa.
- 4.5.2. Mempunyai pengetahuan membaca peta yang sesuai bagi pengembaraan seperti Peta Topo atau *Ordinance Survey* yang berskala  $1\text{ cm} = 1\text{ km}$ .
- 4.5.3. Mengetahui cara menyediakan Buku Log Pengembaraan sebelum memulakan pengembaraan.
- 4.5.4. Setelah tamat menyediakan Buku Log Pengembaraan dan satu laporan pengembaraan yang lengkap dengan bahan sokongan seperti gambar foto, video, kaset dan seumpamanya hendaklah diserahkan kepada pemeriksa.

ATAU

#### 4.6 KEPIMPINAN LAUT

- 4.6.1. Dengan menutup kedua-dua belah mata, membuat ikatan dan simpulan seperti berikut:
  - a. Simpul Buku Sila
  - b. Simpul Manuk
  - c. Simpul Belit
  - d. Simpul Bunga Geti
  - e. Simpul Bunga Geti Berganda
  - f. Ikatan *Bunt Line*
  - g. *Double Black Wall*
  - h. Simpul Tindih Kasih
  - i. Simpul Tapak Kucing
- 4.6.2. Menyatakan ikatan dan simpulan yang digunakan untuk menyimpul dan mengikat serta mengetahui kegunaan setiap satu dengan menamakan sekali seperti:
  - a. Tali penyandang untuk laras senapang

- b. Tali untuk menyimpul ikatan *Boatswain's Chair*
  - c. Tali untuk mengikat sebatang kayu kepada sebatang tiang yang lain.
- 4.6.3. Menunjukkan tiga cara untuk mematikan hujung tali, serta mengetahui kegunaan setiap satu pematian yang berkenaan itu.
- 4.6.4. Dapat merapatkan beberapa perahu dayung dan mengikat satu dengan lain dengan menghampirkan perahu-perahu dayung itu ke pantai atau tebing.
- 4.6.5. Menjadi seorang anak perahu dayung dan membuat lima (5) pelayaran yang berasingan tidak kurang daripada 15 kilometer jauhnya bagi setiap satu pelayaran itu
- 4.6.6. Mengetahui Kod mengenai Peraturan Pelayaran Antarabangsa.

#### 4.7 PROJEK

- 4.7.1. Mengambil bahagian berkumpulan membuat SATU daripada senarai Projek Perintis di bawah ini:
- |                                |    |                               |
|--------------------------------|----|-------------------------------|
| a. Jambatan Angkat             | -- | <i>Lifting bridge</i>         |
| b. Rakit                       | -- | <i>Raft</i>                   |
| c. Jambatan <i>Single Lock</i> | -- | <i>Single Lock bridge</i>     |
| d. Jambatan Kera               | -- | <i>Monkey bridge</i>          |
| e. Jambatan <i>Abington</i>    | -- | <i>Abington Spring bridge</i> |
| f. Jambatan <i>Draw</i>        | -- | <i>Draw bridge</i>            |
| g. Jambatan <i>Rocker</i>      | -- | <i>Rocker bridge</i>          |
| h. Jambatan <i>Pylon</i>       | -- | <i>Pylon Bridge</i>           |
- 4.7.2. Member khidmat nasihat kepada satu patrol dan menyerahkan tugas kepimpinan kepada Ketua Patrol dalam satu aktiviti usaha sama mendirikan satu projek berikut:
- a. *Ariel Runway Code* dan menyatakan apakah *Achorages* yang meliputi 'log' dan 'piket', *Strop* dan *Deadman*. Mengenali *Shrake* dan *Sheerlegs* yang meliputi *Saddle*, *Buuts Meeled*.
  - b. Menara *Brynbach*
  - c. Menara *Still*
  - d. Menara *Crockcrew*
  - e. Menara *Hourglass*
- 4.7.3. Dapat membuat/ membina perkara-perkara berikut:
- a. Rakit
  - b. Pintu pagar
  - c. Pelbagai jenis simpulan dan ikatan
  - d. *Anchorage* dan kegunaannya
  - e. Menyediakan SATU Projek Penerokaan bagi Pasukannya dengan menggunakan kili-kili, membina jambatan dengan menggunakan dua penyokong
- 4.7.4. Tugas dan Pengurusannya:
- a. Memahami dan menguruskan tugas Kuartermaster stor yang menguruskan segala peralatan supaya berada dalam keadaan baik, teratur dan selamat;

- b. Menjaga tali-temali;
- c. Menjaga tiang kayu *pioneering*;
- d. Menjaga dan menyimpan pelan *pioneering* dan maklumat bertulis berkenaan dengannya;
- e. Menjaga dan menyimpan alat berat, tukul besi, takal, kili-kili dan alat logam yang lain;
- f. Menjaga alat pertukangan seperti gergaji, parang, kapak dan sebagainya;
- g. Menjaga alat perkhemahan.

**INGATAN:**

Pengurusan dan pemeliharaan alat perkakas *pioneering* ini hendaklah diusahakan dengan sehabis baik dalam tempoh sekurang-kurangnya satu (1) tahun.

- 4.7.5. Menyiapkan satu Projek *Pioneering* secara terus-menerus dengan dibantu oleh tiga orang Pengakap Kelana.

#### 4.8 EKSPEDISI

- 4.8.1. Membuat satu pengembalaan BERJALAN KAKI di darat mengikut arahan pemeriksa. Ujian hendaklah diadakan dalam kawasan tertentu sejauh 80 kilometer dari tempat yang dituju/ditentukan. Peserta hendaklah berkhemah selama tiga (3) hari dua (2) malam bersama-sama dua atau tiga orang Pengakap Kelana yang lain (rakan sebaya). Menyediakan Buku Log Persendirian dengan mencatatkan segala perkara yang diarahkan atau perlu direkodkan seperti keadaan muka bumi, tumbuhan, hasil bumi, kehidupan masyarakat yang ditemui dan sebagainya serta disokong dengan gambar foto, video, kaset jika sesuai dan perlu.
- 4.8.2. Menyatakan cuaca dan peta yang digunakan untuk perjalanan.
- 4.8.3. Memasak di khemah dengan menggunakan senarai dapur berikut:
 

a. Dapur lubang <i>Genoong</i>	e. Dapur Nomad
b. Dapur ladam kuda	f. Dapur tiga kaki <i>Tripod</i>
c. Dapur Rakit <i>Alter</i>	g. Dapur Ketuhar Belanda
d. Dapur Pemburu	h. Dapur Gas Piknik <i>Ronson</i>
- 4.8.4. Pengakap Kelana hendaklah memasak dengan menggunakan kaedah memasak di hutan *Backwoods* atau ‘Perantau Rimba’ sekurang-kurangnya sekali bagi setiap cara yang disenaraikan di bawah ini:
  - a. Perantau Rimba/*Backwoods*
  - b. Cara memasak dengan ketuhar
  - c. Cara salai gantung
  - d. Cara daging tisuk *Barbeque*
  - e. Cara Kebab pacak ala sate
  - f. Cara menggunakan *aluminium foil*
- 4.8.5. Menyediakan peta satu kawasan dengan ukuran 6 inci satu batu, dengan mendapatkan arah bagi tempat seperti jambatan, sekolah, simpang tiga dan lain-lain tempat utama dalam peta tersebut yang kemudiannya digunakan untuk pengembalaan.

- 4.8.6. Dengan berdasarkan garisan kontur dari peta yang disediakan oleh pemeriksa, memberi gambaran yang lebih jelas mengenai sesuatu tempat sama ada tinggi, rendah, atau kecerunan setelah kontur itu diberikan corak warna mengikut nada warna *tone*.
- 4.8.7. Menjadi ahli dalam sebuah persatuan berikut:
  - a. Persatuan Alam Sekitar
  - b. Persatuan Sejarah Kebangsaan
  - c. Persatuan Fotografi Kebangsaan
  - d. Persatuan Kembara Malaysia

## 4.9 KOMUNIKASI

### 4.9.1. Ujian Kaji Cuaca dan Udara

Mentafsirkan dengan terperinci keadaan cuaca, suhu dan udara di sebuah peta yang disediakan. Membuat satu rajah penerbangan (rekaan) dan membuat kajian keadaan udara, cuaca dan suhu mengikut laluan tersebut berdasarkan waktu, masa dan ketinggian penerbangan tersebut.

### 4.9.2. Ujian Tanda Isyarat:

Mengirim berita dengan tanda isyarat dan membaca kiriman balas berita melalui sistem *Morse* dengan menggunakan cahaya lampu atau bunyi *buzzer* dengan kiraan 15 perkataan seminit atau menggunakan isyarat bendera *Semaphore* dengan kiraan 25 perkataan seminit.

### 4.9.3. Ujian Siap Sedia

Boleh membaiki kerosakan kenderaan kecil seperti basikal dan motosikal (seeloknya kepunyaan sendiri).

### 4.9.4. Ujian Perhubungan

Mengumpulkan maklumat penting bertujuan untuk memberi bantuan atau untuk disampaikan kepada Wakil Rakyat setempat untuk tindakanya bagi menolong rakyat dalam kawasannya (Bahan maklumat tersebut hendaklah tepat dan benar dan dibukukan atau dijilid dengan baik untuk rujukan pihak berkenaan).

## **5.0 LENCANA HAL EHWAL KEBANGSAAN**

5.1 Lencana ini terbahagi kepada 10 aspek. Aspek ‘1’ Undang-undang Tubuh Perlembagaan Kerajaan WAJIB untuk setiap Pengakap Kelana mengetahuinya.

5.2 Pilih salah satu sahaja dari sembilan aspek seperti yang dinyatakan di bawah ini:



### **5.3 PERLEMBAGAAN MALAYSIA**

5.3.1. Menjalankan dengan baik ‘Undang-undang Tubuh Perlembagaan Malaysia’

5.3.2. Mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang fungsi, peranan dan pentadbiran Perkhidmatan Awam dan bagaimana keperluan rakyat dipenuhi melalui pelbagai agensi seperti Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengangkutan dan Jalan raya, Badan Urusan Telekom, Jabatan Pendidikan dan lain-lain.

5.3.3. Menjelaskan Dasar Pertahanan Negara dan Keselamatan Dalam Negeri serta peranan

Angkatan Bersenjata kini dan akan datang.

- 5.3.4. Dapat menjelaskan Kewangan Negara, bagaimana sumber Kewangan diperolehi dan dibelanjakan, Dasar Cukai dan pelaksanaannya.

#### 5.4 AGENSI KERAJAAN

- 5.4.1. Mengetahui fungsi dan perkhidmatan 3 buah Jabatan Kerajaan di antaranya:
- |                                |                                    |
|--------------------------------|------------------------------------|
| (a) Jabatan Pendidikan         | (i) Jabatan Kastam dan Eksais      |
| (b) Jabatan Penerangan         | (j) Jabatan Perikanan              |
| (c) Jabatan Kesihatan          | (k) Jabatan Haiwan                 |
| (d) Jabatan Pendaftaran        | (l) Jabatan Pertanian              |
| (e) Jabatan Belia dan Sukan    | (m) Jabatan Imigrasi               |
| (f) Jabatan Bomba              | (n) Jabatan Audit Negara           |
| (g) Jabatan Tenaga Rakyat      | (o) dan lain-lain Jabatan Kerajaan |
| (h) Jabatan Hasil Dalam Negeri |                                    |

#### 5.5 BADAN BERKANUN

- 5.5.1. Pilih 5 daripada badan berikut:

- |   |    |       |
|---|----|-------|
| (a) Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara | -- | LPPKN |
| (b) Lembaga Urusan dan Tabung Haji          | -- | LUTH  |
| (c) Lembaga Lebuhraya Malaysia              | -- | LLM   |
| (d) Lembaga Padi dan Beras Negara           | -- | LPN   |
| (e) Lembaga Pembangunan Bandar/Wilayah      | -- | UDA   |
| (f) Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan      | -- | FELDA |
| (g) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia          | -- | LKIM  |
| (h) Lembaga Pertubuhan Peladang             | -- | LPP   |
| (i) Lembaga Tembakau Negara                 | -- | LTN   |

#### 5.6 KERAJAAN TEMPATAN

- 5.6.1. Mengetahui fungsi pentadbiran dan peranan Jabatan/Pejabat atau badan di bawah ini:  
Pilih TIGA (3) sahaja.

- |  |  |
|--|--|
| (a) Pejabat Diraja Negeri              | (g) Majlis Perbandaran                 |
| (b) Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri | (h) Muzium Negeri                      |
| (c) Perbadanan Perpustakaan Awam       | (i) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri |
| (d) Pejabat Menteri Besar              | (j) Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri    |
| (e) Majlis Agama Islam Negeri          | (k) Pemegang Amanah Rakyat             |
| (f) Pejabat Perancang Ekonomi Negeri   | (l) Lembaga Pelabuhan Negeri           |
|  | (m) Pejabat Kewangan Negeri            |

#### 5.7 PENTADBIRAN TEMPATAN

- 5.7.1. Mengetahui bagaimana Kerajaan Tempatan dapat berfungsi serta menjalankan kerja memberikan perkhidmatan dan membangunkan masyarakat seperti:

1. Peranan Majlis Daerah
2. Peranan Pejabat Daerah (Tanah & Galian)

3. Pejabat Kadi dan Mahkamah Syariah
4. Pejabat Pendidikan Daerah

## 5.8 PERUSAHAAN, PERDAGANGAN DAN PERTANIAN

- 5.8.1. Membuat satu penyelidikan dalam kawasan tempat tinggal Pengakap Kelana atau satu kawasan yang berhampiran, berhubung dengan pembangunan, perusahaan dan perniagaan atau perdagangan yang diusahakan oleh masyarakat setempat atau oleh pihak kerajaan. Kajian tersebut antara lain dapat menjelaskan kesan-kesan positif dan negatif kepada masyarakat setempat.
- 5.8.2. Mengetahui melalui hasil kajian berhubung dengan perusahaan kecil yang dilakukan di rumah secara persendirian. Menyatakan jenis perusahaan, penyertaan, keadaan pasaran, modal pendapatan dan harapan masa depan. Memberikan pendapat sama ada usaha tersebut seimbang dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

## 5.9 PERUSAHAAN *FREE ENTERPRISE*

- 5.9.1. Tahu menjelaskan apakah yang dikatakan ‘Usahawan Bebas’, jenis perdagangannya, struktur keuntungan dan sebagainya.
- 5.9.2. Mengetahui peranan ‘Usahawan Bebas’, profil pengguna, perhubungan, persaingan dan langkah masa depan.

## 5.10 UNDANG-UNDANG

- 5.10.1. Mengetahui fungsi dan bidang kuasa mahkamah dan juga peraturan perbicaraan di Mahkamah Jenayah, Syariah dan undang-undang kesalahan awam.
- 5.10.2. Mengetahui bidang kuasa dan peranan Pasukan Keselamatan, Polis Diraja dan mengetahui tugasnya meliputi penyelesaian masalah serta perkhidmatan kepada masyarakat.
- 5.10.3. Mengetahui dan memahami akan tugas, tanggungjawab dan peranan warganegara memelihara keamanan.

**PERHATIAN:** Pengakap Kelana hendaklah memberikan sumbangan dan perkhidmatan membantu pihak Polis.

## 5.11 POLITIK DAN MEDIA MASSA

- 5.11.1. Mengetahui dasar dan undang-undang tubuh serta tujuan utama parti-parti politik di Malaysia.
- 5.11.2. Memilih satu parti politik di Malaysia dan menerangkan manifesto, dasar dan usahanya untuk mencapai kejayaan bagi sesebuah negeri yang ditadbirkannya.


- 5.11.3. Mengetahui betapa mustahaknya bagi semua rakyat sebagai warganegara yang bertanggungjawab mengambil berat mengetahui perkembangan semasa dalam negeri dan juga negaranya.
- 5.11.4. Mengetahui fungsi serta tugas dan tanggungjawab media massa.
- 5.11.5. Mengetahui tugas dan tanggungjawab memelihara hak dan kepentingan orang ramai, mengemukakan pendiriannya mengenai perkara yang berkaitan dengan memberi penerangan sepenuhnya.

## 5.12 PERKHIDMATAN KEBAJIKAN AM

- 5.12.1. Mengetahui dasar kerajaan, peranan dan pentadbiran sebuah daripada jabatan berikut:
  - a. Biro Guaman
  - b. Socso
  - c. Kebajikan Masyarakat
  - c. Kemajuan Pembangunan Koperasi
  - d. Bimbingan Kaunseling

## **6.0 LENCANA HAL EHWAL DUNIA**

- 6.1 Lencana ini mengandungi 5 bahagian. Pengakap Kelana yang mengambil ujian ini hendaklah lulus dalam Bahagian ‘1’ dan salah satu daripada bahagian-bahagian yang lain seperti di bawah ini:



### **6.2 PERSAUDARAAN SEDUNIA**

- 6.2.1. Mengetahui sebab Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu diwujudkan. Menerangkan fungsi, peranan dan pentadbiran dalam melaksanakan tanggungjawab.
- 6.2.2. Mengetahui keadaan pertubuhan antara Malaysia dengan:  
(a) Negara-negara Komanwel  
(b) Negara-negara Asing
- 6.2.3. Mengetahui bagaimana Perjanjian Keselamatan antara kerajaan Malaysia dengan negara jiran atau serantau dilaksanakan.
- 6.2.4. Mengetahui Dasar Luar Malaysia.
- 6.2.5. Memberikan pendapat apakah bentuk sumbangan atau bantuan yang boleh diberikan

kepada negara asing.

6.2.6. Bersahabat pena dengan seorang Pengakap Kelana di negara asing.

**6.3 HAL EHWAL DUNIA**

- 6.3.1. Mengetahui struktur tugas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Pilih dua buah badan di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan nyatakan perbezaannya dengan lain-lain pertubuhan dalam hal perhubungan atau kerjasama antara bangsa yang telah diberikan menerusi Pertubuhan Kebajikan di Malaysia.
- 6.3.2. Dapat Menerangkan tujuan utama, pentadbiran dan peranan SATU daripada pertubuhan kebajikan atau sukarela::
- (a) Jawatankuasa Kebajikan Negara
  - (b) Persatuan Bulan Sabit Merah/St. John's Ambulance
  - (c) Kelab Lions, Rotary, Jaycees dan Tabung Darah
  - (d) PEMADAM
  - (e) Perkim
  - (f) Dakwah Islamiah (ABIM, ARKAM)
  - (g) Persekutuan Pengakap Malaysia/ Pandu Puteri Malaysia
  - (h) Pertahanan Awam
  - (i) Persatuan Kebajikan Wanita Islam
  - (j) Persatuan Perkumpulan Wanita
  - (k) RELA
  - (l) Persatuan Mencegah Batuk Kering (MAPTB)


**6.4 KERJASAMA ANTARABANGSA**

**6.5 PERHUBUNGAN PERDAGANGAN**

**6.6 PERI KEMANUSIAAN**

## 7.0 **LENCANA AKTIVITI KEBUDAYAAN**

- 7.1 Pengakap Kelana mesti lulus dalam Bahagian ‘1’ dan salah satu daripada bahagian-bahagian yang lain seperti di bawah ini:



### 7.2 PENGULAS ATAU PENGKRITIK

7.2.1. Pengakap Kelana hendaklah memilih sebuah buku berhubung dengan seni budaya yang dinikmatinya dan kemudian membuat ulasan secara mendalam terhadap kandungan buku tersebut atau mengkritik beberapa soalan yang dapat ditimbulkan dari buku itu.

7.2.2. Memberi pandangan atau pendapatnya dengan berdasarkan pengalaman dan penglibatan Pengakap Kelana dalam kegiatan seni budayanya terhadap beberapa persoalan seni atau budaya yang menjadi isu semasa.

**PERHATIAN:** Penilai akan meminta Pengakap Kelana memilih tiga persoalan untuk diulas dan akan mengemukakan tiga persoalan bebas berhubung dengan isi seni atau budaya yang tidak berdasarkan buku-buku yang telah dibacanya.

### **7.3 SENI HALUS**

- 7.3.1. Menguruskan satu pameran yang mengandungi sekurang-kurangnya 10 hasil karya ciptaannya sendiri dalam bentuk gubahan. Kraf tangan, catatan atau lukisan.
- 7.3.2. Menerangkan konsep kesenian, keperibadian Kebudayaan Nasional Malaysia atau sebuah negara di Asia, Eropah, Amerika dan Afrika.

### **7.4 KESUSASTERAAN**

- 7.4.1. Mempunyai pengetahuan dan dapat menghuraikan tentang sejarah bangsa/kaum sendiri dari zaman 200 tahun yang lalu.
- 7.4.2. Dapat membandingkan persamaan perkembangan sejarah kesusasteraan bangsa lain sezaman.
- 7.4.3. Membuat catatan dalam Buku Log atau buku catatan sendiri mengenai peristiwa atau aktiviti sastera yang berlaku pada peringkat kebangsaan dalam jangka masa yang ditetapkan.
- 7.4.4. Mengulas dan mengkritik sebuah novel moden secara bertulis.
- 7.4.5. Menulis sebuah karya dengan menggunakan bahasa sastera.

### **7.5 TEATER**

- 7.5.1. Menulis atau menterjemahkan sebuah skrip drama pentas yang sesuai panjangnya 30 minit. Skrip tersebut hendaklah sesuai untuk pementasan di kawasan tempat tinggal atau kawasan luar bandar/bandar yang berdekatan.
- 7.5.2. Mengarahkan sebuah pementasan drama. Penilai akan menilai mutu arahannya, tugasnya sebagai seorang pengarah dan reaksi penonton terhadap arahannya.

**ATAU**

- 7.5.3. Memberi ulasan filem secara lisan 3 buah filem yang tajuk ceritanya dipilih oleh Pasukan Kelananya.

**ATAU**

- 7.5.4. Mengulas secara bertulis filem sisip yang mengandungi sekurang-kurangnya 20 keping gambar peristiwa.

## 7.6 FALSAFAH

- 7.6.1. Mengetahui peribadi usaha dan pemikiran tiga (3) orang tokoh daripada kumpulan di bawah ini dan menyatakan benar atau sebaliknya tentang usaha atau pemikiran tokoh-tokoh tersebut terhadap kehidupan manusia masa sekarang.

### Islam

Ibnu Sina  
Ibnu Khaldun  
Imam Ghazali

### Cina

Confucious  
Lao Tze  
Mencius

### India

Sankarachariar  
Rumaniar  
Gandhi  
Tuslidas

### Barat

Socrates & Plato  
Aristotle  
Zeno  
John Locke

- 7.6.2. Menerangkan tentang seorang tokoh kepada Pasukan Pengakap Kelana sendiri dan bersedia menjawab soalan yang dikemukakan.

## 7.7 ARKITEK

- 7.7.1. Mempunyai pengetahuan dalam bidang senibina dan mengetahui tentang kemajuan senibina mengikut binaan pilihannya.
- 7.7.2. Melukis pelan sebuah bangunan yang meliputi sudut pandangan dengan daya usaha dan daya cipta yang tinggi nilainya.
- 7.7.3. Menyediakan model dan pelan rekabentuk sebuah bangunan bertingkat mengikut rekabentuk terbaru.

## 7.8 MUZIK

- 7.8.1. Menunjukkan kebolehan menyanyi dan bermain alat muzik, khususnya alat muzik tradisional Malaysia atau lain-lain negara dan memperkenalkan 5 alat muzik tradisional Malaysia.
- 7.8.2. Menjelaskan secara mendalam perbandingan di antara sekurang-kurangnya 3 alat muzik bangsanya dengan alat muzik bangsa lain yang sezaman.
- 7.8.3. Mengelola satu persembahan Padura atau Nasyid (teori dan praktikal).

## 7.9 KEBUDAYAAN ASLI

- 7.9.1. Memungut, menyimpan dan mengumpul atas daya usaha sendiri sekurang-kurangnya 10 jenis barang tradisional yang mempunyai hubungan dengan beberapa aspek kebudayaan bangsanya sendiri.

- 7.9.2. Memberikan penerangan dan pendapat dengan berdasarkan koleksi orang lain tentang 10 jenis barang tradisional bangsa asing dan gambarkan hubungannya dengan kebudayaan bangsanya sendiri itu.
- 7.9.3. Membuat kajian berdasarkan perkembangan koleksi 1 dan 2 di atas, perkembangan sejarah, kesenian, kebudayaan dan penggunaan bahan-bahan berkenaan.

## **RAMBU PENGAKAP KELANA**

### **Lambang Kecemerlangan**

1. Rambu Pengakap Kelana merupakan pencapaian tertinggi bagi Pengakap Kelana yang telah berusaha bersungguh-sungguh dan berjaya dengan cemerlang.
2. Rambu ini diluluskan dan disampaikan oleh Pesuruhjaya Pengakap Negeri di atas sokongan Pesuruhjaya Pengakap Daerah setelah diperakukan oleh Ketua Kelana.

### **3. CARA MENDAPATKAN RAMBU PENGAKAP KELANA**

- 3.1. Pengakap Kelana yang telah disahkan perlantikannya bolehlah berusaha untuk memakai rambu Pengakap Kelana terlebih dahulu mendapatkan beberapa lencana seperti berikut:

#### **LENCANA WAJIB (4 Lencana)**

- i. Lencana Pengembaran
- ii. Lencana Perkhidmatan Awam
- iii. Lencana Kemahiran Berpengakap

**DAN**

- iv. SATU daripada lencana-lencana berikut:
  - (a) Projek
  - (b) Kebudayaan
  - (c) Hal Ehwal Dunia
  - (d) Hal Ehwal Kebangsaan

- 3.2. Semua dokumen, catatan buku log, gambar foto, rajah dan lain-lain keterangan hendaklah ditunjukkan kepada pemeriksa/penilai sebagai bukti bahawa kerja telah dibuat bagi mendapatkan lencana-lencana di atas semasa mengemukakan permohonan untuk mendapatkan sokongan pihak berkenaan.

CARA MENDAPATKAN RAMBU PENGAKAP KELANA

**LENCANA WAJIB**



Lencana Pengembaran



Lencana Perkhidmatan Awam



Lencana Kemahiran  
Berpengakap

+

**LENCANA PILIHAN**



Lencana Projek



Lencana Kebudayaan



Lencana Hal  
Ehwal Dunia



Lencana Hal  
Ehwal Kebangsaan



**RAMBU PENGAKAP  
KELANA**

